



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025

APB REMBAU E-BULLETIN

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X

Memahami Perubahan Baris (*i'rab*) dalam Bahasa Arab: Konsep dan Kepentingannya

Ditulis oleh: Mashitah Nordin, Syahirah Almuddin, Norshida Hashim, dan Mohd Islah Mohd Yusof

Tentu kita pernah jumpa perkataan bahasa Arab yang sama tetapi baris huruf terakhir pada perkataan tersebut berbeza. Ini dipanggil *i'rab* dalam bahasa Arab. *I'rab* bermaksud perubahan (baris atau huruf) di akhir perkataan sama ada disebabkan perubahan struktur frasa atau fungsi perkataan itu sendiri di dalam ayat. Perubahan baris merujuk kepada perubahan baris *fathah* seperti perkataan زَيْدًا, *kasrah* seperti perkataan زَيْدٍ dan *dhommah* seperti perkataan زَيْدٌ. Manakala perubahan huruf merujuk kepada huruf alif, ya atau wau. Seperti perkataan مُسْلِمُونَ dan مُسْلِمِينَ dan perkataan مُسْلِمَانِ dan مُسْلِمَيْنِ. Selain itu perubahan *i'rab* juga menunjukkan kepada perubahan maksud perkataan dalam susunan ayat. *I'rab* disebabkan perubahan struktur frasa ini tidak terdapat dalam bahasa lain di dunia. Perbahasan kali ini akan tertumpu kepada perubahan baris sahaja.

Dalam bahasa Arab *i'rab* yang lengkap mengandungi 3 perkara:

1. *Al-mauqi'* (الموقع) ialah kedudukan sesuatu perkataan dalam ayat seperti *khavar* (predikat), *munada* (orang yang dipanggil), *hal* (kata keterangan) dan lain-lain lagi.
2. *Al-hukum* (الحكم) adalah hukum perkataan tersebut dalam ayat seperti *marfu'* (nominatif), *mansub* (akusatif), atau *majrur* (genitif).
3. *Al-'alah* (العلامة) adalah tanda hukum perkataan seperti *fathah* (baris atas),

kasrah (baris bawah) dan *dhommah* (baris hadapan).

Contoh:

- (1) Zaid telah datang (جَاءَ زَيْدٌ)
- (2) Saya telah melihat Zaid (رَأَيْتُ زَيْدًا)
- (3) Saya berjalan melintasi Zaid (مَرَرْتُ بِزَيْدٍ)

Contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa perkataan زيد berubah-ubah barisnya kerana berubah fungsi yang menyebabkan perubahan *i'rab* dalam struktur ayat tersebut.

Ayat pertama perkataan زَيْدٌ dibaca sebagai *Zaidun* dengan tanda baris *dhommah* (baris hadapan) *dii'rab* sebagai *marfu'* (nominatif) kerana kedudukannya sebagai *fa'il* (pelaku perbuatan) di dalam ayat. Manakala ayat yang kedua perkataan زَيْدًا dibaca *Zaidan* dengan tanda baris *fathah* (baris atas) *dii'rab* sebagai *mansub* (akusatif) kerana kedudukannya sebagai *maful-bih* (objek atau benda yang berlaku perbuatan ke atasnya) dan ayat yang ketiga perkataan زَيْدٍ dibaca sebagai *Zaidin* dengan tanda baris *kasrah* (baris bawah) *dii'rab* sebagai *majrur* (genitif) kerana faktor huruf *jar* (ب) yang berada sebelumnya di dalam ayat.

Contoh cara membuat *i'rab* ayat: جَاءَ زَيْدٌ (Zaid telah datang).

Perkataan جَاءَ

- (1) *Al-mauqi'* (kedudukan dalam ayat): *Fi'il madhi* (kata kerja kala lampau)
- (2) *Al-hukum* (hukum *i'rab*): *Mabni*
- (3) *Al-'alah* (tanda): *Fathah* (baris atas)

Perkataan زَيْدٌ

- (1) *Al-mauqi'* (kedudukan dalam ayat): *Fa'il* (pelaku perbuatan)

(2) *Al-hukum* (hukum *i'rab*): *Marfu'* (nominatif)

(3) *Al-'alah* (tanda): *Dhommah* (baris hadapan)

Penjelasan:

(i) جَاءَ = Perkataan جاء ialah *fi'il madhi* (kata kerja kala lampau), hukum *i'rabnya* ialah *mabni* dengan tanda baris *fathah* (baris atas) kerana tidak bersambung dengan huruf lain.

(ii) زَيْدٌ = Perkataan زَيْدٌ kedudukan dalam ayat sebagai *fa'il* (pelaku perbuatan), hukum *i'rabnya* ialah *marfu'* dengan tanda baris *dhommah* (baris hadapan) kerana زَيْدٌ isim *muzakkar mufrad* (kata nama lelaki tunggal).

Peranan baris dalam sintaksis bahasa Arab merupakan sesuatu yang amat penting. Perubahan baris bukan hanya berbeza pada bacaan semata sahaja, tetapi turut menentukan makna dan struktur ayat secara keseluruhan. Oleh itu, penguasaan terhadap ilmu *i'rab* bukan sahaja tertumpu kepada perubahan baris akhir, tetapi juga pemahaman yang mendalam tentang konteks ayat dan hubungan antara perkataan-perkataan di dalamnya. Bagi mendapat *i'rab* yang tepat, kita perlu memahami makna setiap perkataan di dalam sesuatu ayat terlebih dahulu. Hal ini dapat memastikan ketepatan pembinaan ayat bahasa Arab yang baik dan menepati kaedah tatabahasa bahasa Arab serta dapat memahami makna dan fungsi perkataan di dalam teks yang dibaca.

Rujukan

1. Abdul Latif, Muhammad Hamasah. (2000). *Al-Nahw Wa al-Dilalah*. Dar al-Syuruq: Kaherah,55.
2. Bakti, Azizah. (1992). *Al-Mukjam al-Mufassal Fi al-Nahwi al-Arabi* (juzuk 1). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirut,86.
3. Hassan, Tammam. (t.t). *al-Lughah al-Arabiah Ma'naha Wa Mabnaha*,205.